

FORMAT B
PERJANJIAN PERKHIDMATAN, KERJA DAN PEMBEKALAN
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

a. Jabatan Landskap & Rekreasi

- i. Kerja-Kerja Membekal & Membaiki Alatan Permainan Serta Alat-Alat Yang Berkaitan.

b. Jabatan Kejuruteraan

- i. Kerja-Kerja Penggantian Kabel Lampu Isyarat;
- ii. Kerja- Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Penumpang (Van,Lori, Bas, Kereta, Motorsikal & Skuter);
- iii. Kerja- Kerja Membekal
- iv. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Alat-Alat Lain Untuk Mesin Ringan;
- v. Kerja- Kerja Penyelenggaraan Alatan Elektrik;
- vi. Kerja- Kerja Membekal Asphaltic Concrete Wearing 'Acw', Crusher Run, Dan Tack Coat Asphaltic Emulation;
- vii. Kerja- Kerja Membekal Cold Mix Asphalt;
- viii. Kerja- Kerja Penyelenggaraan Aset Majlis;
- ix. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Isyarat;
- x. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan.
- xi. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Penyaman Udara.

c. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

- i. Kerja-Kerja Membekal Racun Kawalan Nyamuk Aedes Dan Serangga Perosak;
- ii. Kerja-Kerja Perkhidmatan Membekal Tong Sampah Jenis MGB 660I (Biasa), MGB 660 (Kitar Semula) & Tong Sampah.

d. Jabatan Khidmat Pengurusan

- i. Kerja-Kerja Membekal Alat Tulis Dan Bekalan Pejabat Yang Lain;
- ii. Kerja- Kerja Membekal Dan Menjahit Pakaian Seragam Untuk Kakitangan MPKj.

JABATAN UNDANG-UNDANG (JUJ)
 MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
 SENARAI SEMAK DOKUMEN PERJANJIAN PERKHIDMATAN/KERJA / PEMBEKALAN
 ARAHAN : SILA PASTIKAN SENARAI SEMAK INI DILENGKAPKAN BERSERTA DOKUMEN

Nama Kontraktor : _____
 Alamat Kontraktor : _____
 No. Telefon : _____
 Tajuk Kontrak : _____
 Lokasi : _____
 No. Fail Jabatan : _____

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN :

- 1 Empat (4) salinan dokumen Perjanjian yang telah lengkap ditandatangani oleh Kontraktor
- 2 Salinan Surat Setujuterima Sebutharga atau Tender/ Surat Tawaran
- 3 Salinan Surat Akuan Penerimaan Tawaran
- 4 Salinan Pendua Resit Bayaran Fi Perjanjian
- 5 Salinan Borang Sebutharga atau Tender/Perakuan Sebutharga atau Tender
- 6 Spesifikasi Perkhidmatan / Kerja / Pembekalan
- 7 Salinan Dokumen Atau Resit Bayaran Bon Pelaksanaan (Jika ada)
- 8 Salinan Insurans Tanggungan Awam
- 9 Salinan Pelan Lokasi (Jika berkaitan)
- 10 Salinan Kad Pengenalan Kontraktor (Individu / Pengarah Syarikat / Pemilik Perniagaan)
- 11 Jika Kontraktor berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 / Akta Syarikat 2016 :
 - Salinan Profil Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang mengandungi maklumat syarikat, maklumat modal, maklumat pengarah dan pegawai, maklumat pemegang syer, maklumat gadaian dan penyata kewangan, atau
- 12 Jika Kontraktor Berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 :
 - Salinan Diakui Sah Borang D/E berserta maklumat pemilik perniagaan
- 13 Apa-apa dokumen lain mengikut keperluan jadual dan lampiran dalam perjanjian
 (Sila nyatakan)

Diisi Oleh Kontraktor	Semakan Jabatan	Diisi Oleh JUJ
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

UNTUK KEGUNAAN JABATAN DALAMAN SAHAJA.

- 1) Pengesahan daripada Jabatan Dalaman bagi melengkapkan senarai dokumen. Ulasan (Jika ada)

CAP JABATAN

UNTUK KEGUNAAN JABATAN UNDANG-UNDANG SAHAJA.

- 2) Pengesahan daripada Jabatan Undang-Undang (JUJ) bagi penyempurnaan tandatangan Perjanjian.
 - a) Dokumen Lengkap
 - b) Dokumen tidak lengkap

Disemak Oleh :

 Tandatangan & Cop
 Tarikh : _____

MPKj/UDG/B1-2020 PIND.1

CAP JUJ

PERJANJIAN INI DIBUAT pada hari dan tahun sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 1 Jadual Pertama** Perjanjian ini,

DI ANTARA

Pihak yang bernama dan beralamat sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 2 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Majlis**") sebagai satu pihak dan pihak yang bernama dan beralamat sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 3 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Kontraktor**") sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA:

- A. Majlis adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai bidangkuasa dan kebenaran untuk melantik mana-mana pihak sebagai kontraktor bagi melaksanakan perkhidmatan/ kerja/ pembekalan sepertimana dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 4 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut**") di Majlis Perbandaran Kajang.
- B. Majlis mempunyai bidangkuasa dan tanggungjawab ke atas kawasan yang secara khususnya dinyatakan dalam **Perkara 5 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Kawasan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut**").
- C. Kontraktor adalah sebuah syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berpengalaman dalam bidang Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan sepertimana yang dikehendaki oleh Majlis dan merupakan kontraktor bebas.
- D. Majlis telah bersetuju meluluskan perantikan Kontraktor untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut bagi tempoh sebagaimana dinyatakan dalam **Perkara 6 Jadual Pertama** Perjanjian ini.
- E. Berdasarkan perkara- perkara di atas, melalui satu **Surat Setuju Terima** bertarikh sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 7 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Surat Setuju Terima tersebut**"), Majlis telah melantik Kontraktor dan Kontraktor telah bersetuju menerima perantikan untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut melalui **Surat Akuan Penerimaan** bertarikh sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 7 Jadual Pertama** Perjanjian ini tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam Surat Setuju Terima tersebut (sesalinan dilampirkan sebagai **Lampiran A**) dan juga tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, termasuk juga apa-apa peruntukan dan peraturan mana-mana undang-undang dan undang-undang kecil yang digubal dan akan digubal kelak.

SEBAGAI BALASAN kepada wang yang akan dibayar oleh Majlis kepada Kontraktor dengan jumlah yang dinyatakan dalam **Perkara 8 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Harga Kontrak**") **BAHAWASANYA PIHAK-PIHAK DI SINI TELAH BERSETUJU SEPERTI BERIKUT:-**

1.0 TAKRIF

Dalam syarat-syarat Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, istilah-istilah di bawah akan membawa erti sedemikian:

Barang/ Peralatan/

Alat Ganti

ertinya barang atau peralatan atau alat ganti yang dibekalkan oleh Kontraktor kepada Majlis, sebagaimana senarai dalam **Lampiran B** Perjanjian ini;

Bon

Pelaksanaan

ertinya bon pelaksanaan yang kena didepositkan oleh Kontraktor kepada Majlis, sebagaimana ditetapkan dan ditentukan dalam **Klausula 6.1** Perjanjian ini;

Kontraktor

termasuk pemilik tunggal, pekongsi, pengarah, wasi-wasi, pentadbir-pentabir, pengganti-pengganti dan penerima-penerima pindahmilik syarikat atau orang berkenaan;

Lampiran/ Jadual

ertinya mana-mana lampiran/ jadual yang disifatkan sebahagian daripada Perjanjian ini;

Majlis

ertinya Yang Dipertua Majlis atau mana-mana pegawai atau kakitangan yang diberikuasa secara bertulis untuk mentadbir dan menyelia Perjanjian ini bagi pihak Majlis;

Nasional

ertinya Kerajaan Malaysia dan/atau Kerajaan Negeri dan/atau Majlis;

Pegawai diberi kuasa

ertinya mana-mana Pegawai yang dilantik oleh Majlis dan diberikuasa oleh Yang Dipertua Majlis untuk menyelia Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut;

Pegawai Penyelia

ertinya Pegawai yang diberikuasa oleh Yang Dipertua Majlis mengenai hal ehwal berkaitan kerja-kerja kontrak;

Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan	ertinya skop dan spesifikasi perkhidmatan atau kerja atau pembekalan sepertimana yang dinyatakan dalam Perkara 4 Jadual Pertama dan Lampiran B Perjanjian ini;
Pihak	ertinya merujuk kepada Majlis atau Kontraktor mana-mana yang berkenaan; dan
Pihak-Pihak	ertinya merujuk secara kolektif kedua-dua Majlis dan Kontraktor.

2.0 DESKRIPSI PERKHIDMATAN/ KERJA/ PEMBEKALAN

Kontraktor hendaklah melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut berdasarkan Spesifikasi Dan Skop yang dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 4 Jadual Pertama** Perjanjian ini dan dirujuk dalam **Lampiran B** Perjanjian ini dengan sempurna, teratur dan memenuhi Spesifikasi Dan Skop Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.

3.0 TEMPOH PERJANJIAN

- 3.1 Majlis dengan ini berwaad dan bersetuju untuk melantik Kontraktor bagi melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut untuk tempoh sepertimana yang dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 6 Jadual Pertama** Perjanjian ini, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini.
- 3.2 Tempoh Lanjutan (jika berkenaan) sepertimana yang dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 6 Jadual Pertama** Perjanjian ini hendaklah dipohon secara bertulis oleh Kontraktor sebelum tamatnya tempoh sah Perjanjian ini dan Majlis boleh pada peringkat ini, sama ada menerima, enggan atau menolak permohonan perlanjutan tersebut tanpa sebarang alasan.
- 3.3 Sekiranya kedua-dua pihak bersetuju, maka Perjanjian ini bolehlah dilanjutkan mengikut Tempoh Lanjutan tersebut dan Majlis berhak untuk mengekalkan, meminda, menambah atau memotong apa-apa terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini bagi Tempoh Lanjutan tersebut.

4.0 PESANAN/ ARAHAN

- 4.1 Pesanan/ arahan kepada Kontraktor untuk Perkhidmatan / Kerja / Pembekalan tersebut akan dibuat oleh Pegawai diberi kuasa secara rasmi dengan bertulis dan hendaklah dihantar melalui kaedah yang ditetapkan dalam **Klausula 47.0** Perjanjian ini.

- 4.2 Majlis tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos atau kerugian yang ditanggung oleh Kontraktor atas apa-apa pesanan/ arahan yang dibuat selain daripada kaedah yang dinyatakan dalam **Klausu 4.1** di atas.
- 4.3 Semasa menghantar serah Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dipesan oleh Majlis, Kontraktor hendaklah mengemukakan satu senarai baki kuantiti Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dikemaskini kepada Majlis setelah ditolak setiap pesanan Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dibuat oleh Majlis.
- 4.4 Barang/ Peralatan/ Alat Ganti yang dipesan hendaklah dihantar serah oleh Kontraktor kepada Majlis dalam tempoh sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 9 Jadual Pertama** Perjanjian ini atau pada satu tempoh yang telah dipersetujui di antara Majlis dan Kontraktor.
- 4.5 Majlis tidak menjamin dengan apa jua cara sekalipun bahawa semua atau mana-mana anggaran kuantiti atau jenis Barang/ Peralatan/ Alat Ganti sebagaimana disenaraikan dalam **Lampiran B** Perjanjian ini akan dipesan dalam Tempoh Perjanjian ini.
- 4.6 Selain daripada kuantiti Barang/ Peralatan/ Alat Ganti yang disenaraikan dalam **Lampiran B** Perjanjian ini, Majlis boleh memesan kuantiti tambahan Barang/ Peralatan/ Alat Ganti tersebut dan Kontraktor hendaklah membekal Barang/ Peralatan/ Alat Ganti yang dipesan dengan harga yang sama apabila dikehendaki oleh Majlis.

5.0 PEMBAYARAN

- 5.1 Majlis dengan ini bersetuju dan mengakujaji untuk membuat bayaran Harga Kontrak bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut yang dipesan/diarahkan kepada Kontraktor pada masa dan kaedah yang telah ditetapkan menurut Perjanjian ini dan **Perkara 8 Jadual Pertama** Perjanjian ini dengan merujuk perincian di **Lampiran B** Perjanjian ini serta tertakluk kepada Majlis dan/atau wakilnya berpuas hati bahawa Kontraktor telah melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dengan sempurna.
- 5.2 Tertakluk kepada perenggan di atas, Kontraktor hendaklah menyediakan, menyiapkan dan melengkapkan tuntutan bayaran bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dalam bentuk atau format yang ditetapkan oleh Majlis dan tuntutan bayaran tersebut hendaklah sampai dan diterima oleh Majlis dalam tempoh **EMPAT BELAS (14) HARI** setelah Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut siap.

- 5.3 Kegagalan Kontraktor untuk mematuhi **Klausu 5.2** di atas mengakibatkan Majlis berhak mengenakan denda lewat kepada Kontraktor mengikut kadar yang akan ditentukan oleh Majlis. Denda lewat akan dikira selepas tarikh akhir tuntutan bayaran Harga Kontrak bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut yang sepatutnya dikemukakan oleh Kontraktor kepada Majlis sehingga tuntutan bayaran Harga Kontrak bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut diterima oleh Majlis sebagaimana dikehendaki dalam **Klausu 5.1** dan **Klausu 5.2** di atas. Majlis juga berhak untuk melewatkan bayaran Harga Kontrak tersebut kepada bulan berikutnya atau kepada satu tarikh lain menurut budibicara Majlis tanpa bertanggungjawab terhadap apa-apa faedah tuntutan atau kerugian atas apa-apa sebab sekalipun.
- 5.4 Bayaran penuh Harga Kontrak bagi suatu Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang dipesan/ diarahkan tidak boleh dianggap sebagai pengakuan bahawa Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut adalah mengikut kualiti yang dikehendaki.

6.0 BON PELAKSANAAN (JIKA BERKENAAN)

- 6.1 Kontraktor mengakujaji dan bersetuju untuk menandatangani wang cagaran berjumlah sebagaimana yang dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 10 Jadual Pertama** Perjanjian ini sebagai Bon Pelaksanaan sebelum termeterainya Perjanjian ini (resit penerimaan diperakui diterima oleh Majlis). Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah dalam bentuk Deraf Bank atau tunai atau apa-apa bentuk yang ditetapkan oleh Majlis dan hendaklah sah bermula dari tarikh mula Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut sehingga Tempoh Memperbaiki Kecacatan bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut tamat.
- 6.2 Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah dituntut oleh Kontraktor dalam masa **dua belas (12) bulan** selepas tamat Tempoh Memperbaiki Kecacatan bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dan sekiranya Kontraktor tidak membuat tuntutan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, maka Bon Pelaksanaan tersebut akan dijadikan hasil Majlis dan dikira hangus atau lupus dan tidak perlu dikembalikan semula oleh Majlis kepada Kontraktor dalam apa jua keadaan pun.
- 6.3 Majlis berhak untuk memotong keseluruhan atau apa-apa amaun daripada Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh Kontraktor menurut **Klausu 6.1** di atas sekiranya Kontraktor gagal, enggan dan/atau cuai mematuhi apa-apa terma dan syarat Perjanjian ini.
- 6.4 Tertakluk kepada **Klausu 6.3** di atas, Kontraktor hendaklah menandatangani semula keseluruhan atau baki Bon Pelaksanaan

yang telah dipotong oleh Majlis sebagaimana jumlah yang dikehendaki di dalam **Klausu 6.1** di atas.

7.0 INSURANS

- 7.1 Kontraktor sebelum memulakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalantersebut, dikehendaki mengambil **dua (2)** Polisi Insurans dengan perbelanjaannya sendiri daripada Syarikat Insurans yang bertauliah/ diperakui iaitu Polisi Insurans GantirugiPekerja dan Polisi Insurans Tanggungan Awam.
- 7.2 Polisi-polisi tersebut hendaklah berkuatkuasa sepenuhnya sepanjang Tempoh Perjanjian ini berkuat kuasa dan juga dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan dan Tempoh Memperbaiki Kecacatan. Salinan sah Polisi-Polisi Insurans tersebut dan resit bukti pembayaran hendaklah diserahkan kepada Majlis sebagai rujukan/rekod masa hadapan.
- 7.3 Pekerja-pekerja Kontraktor hendaklah didaftarkan kepada PERKESO. Nombor pendaftaran pekerja-pekerja di bawah skim PERKESO hendaklah dimaklumkan kepada Majlis sebagai rekod masa hadapan.

8.0 TANGGUNGAN KECACATAN DAN MEMPERBAIKI KECACATAN (JIKA BERKENAAN)

- 8.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 11 Jadual Pertama** Perjanjian ini. Kontraktor akan bertanggung memperbaiki apa-apa kecacatan, kekurangan atau kesilapan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalantersebut yang jelas dan berpunca daripada kecacatan mutu kerja atau bahan atau Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalantersebut tidak mengikut Skop Dan Spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan tersebut selewat-lewatnya sebelum tamat Tempoh Memperbaiki Kecacatan sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 12 Jadual Pertama** Perjanjian ini;
- 8.2 Majlis melalui notis bertulis, akan memaklumkan kepada Kontraktor kecacatan yang wujud untuk diambil tindakan dengan segera;
- 8.3 Segala kos dan perbelanjaan bagi memperbaiki kecacatan yang timbul hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor; dan
- 8.4 Kegagalan Kontraktor mengambil tindakan untuk memperbaiki kecacatan yang wujud akan membolehkan Majlis mengambil tindakan yang wajar sebagaimana diperuntukkan dalam Perjanjian ini.

9.0 TIMBAL BALAS

- 9.1 Majlis sentiasa berhak untuk memotong apa-apa jumlah wang yang kena dibayar olehnya kepada Kontraktor di bawah Perjanjian ini, sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran syarat oleh Kontraktor atau dalam keadaan di mana Kontraktor telah gagal melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut atau Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut tidak dibuat dengan sempurna, teratur dan memuaskan menurut Perjanjian ini.
- 9.2 Sekiranya jumlah wang yang dituntut oleh Majlis di bawah mana-mana peruntukan Perjanjian ini melebihi dari jumlah wang yang seharusnya dibayar kepada Kontraktor di bawah Perjanjian ini, maka Kontraktor hendaklah menjelaskan baki tuntutan tersebut sekaligus secara terus kepada Majlis dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh notis tuntutan tersebut.

10.0 PEMERIKSAAN BARANG / PERALATAN / ALAT GANTI DAN BUNGKUSAN

- 10.1 Kontraktor hendaklah membenarkan Pegawai diberi kuasa dan Pegawai Penyelia yang berkenaan untuk memasuki kawasan-kawasan dan bangunan-bangunan di mana Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dilaksanakan termasuk memeriksa dan menguji Barang/ Peralatan/ Alat Ganti yang digunakan atau dibekalkansedang diperbuat atau disimpan sebelum Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dilaksanakan oleh Kontraktor menurut **Klausu 2.0** Perjanjian ini.
- 10.2 Kontraktor hendaklah menyediakan kemudahan bagi maksud pemeriksaan dan pengujian menurut **Klausu 10.1** di atas apabila dikehendaki oleh Pegawai diberi kuasa dan Pegawai Penyelia yang berkenaan.

11.0 BUNGKUSAN (JIKA BERKENAAN)

- 11.1 Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dibekalkan hendaklah dibungkus dengan sempurna dan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dibekalkan tersebut dieksport dengan tidak membungkus.
- 11.2 Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos dan belanja bungkusan Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dibekalkan dan apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pembungkus yang digunakan oleh pengeluar Barang/ Peralatan/

Alat Ganti yang dibekalkan hendaklah diganti oleh Kontraktor atas perbelanjaan Kontraktor sendiri.

12.0 PENYERAHAN (JIKA BERKENAAN)

- 12.1 Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dibungkus seperti yang dikehendaki dalam **Lampiran B** hendaklah diikat dengan sepatutnya dan diserahkan mengikut tempoh penyerahan seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.
- 12.2 Kontraktor hendaklah menyerahkan Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dipesan di tempat yang dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 13 Jadual Pertama** atau di tempat yang telah dipersetujui di antara Majlis dan Kontraktor.
- 12.3 Kontraktor hendaklah menghantar satu surat penyerahan dengan pendua bersama-sama dengan setiap penyerahan Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dipesan dan satu salinannya akan diperakuterima dan dipulangkan kepada Kontraktor apabila Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dipesan tersebut diterima.
- 12.4 Kontraktor hendaklah pada setiap kali penyerahan Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dipesan memberi satu perakuan bertulis bahawa Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dibekalkan tidak kurang mutunya dari spesifikasi contoh atau kualiti contoh seperti yang dipersetujui dalam Perjanjian ini.
- 12.5 Semasa penyerahan Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dipesan kepada Majlis, Kontraktor hendaklah membawa peralatan sendiri bagi urusan pengangkutan Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dibekalkan.

13.0 KELENGKAPAN KERJA

- 13.1 Kontraktor hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri menyediakan peralatan kerja yang diperlukan termasuk kenderaan pengangkutan, peralatan, jentera dan perkakasan yang bersesuaian untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.
- 13.2 Majlis berhak menolak bahan dan peralatan kerja yang tidak bersesuaian dan mengarahkan Kontraktor menggantikan dengan peralatan lain dan kos ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

14.0 PENERIMAAN ADALAH BERSYARAT

- 14.1 Penerimaan Majlis ke atas Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dipesan (sama ada Barang/Peralatan/Alat Ganti tersebut telah

tiba di premis Majlis dan telah disimpan di Majlis ataupun masih dalam proses penghantaran) adalah bersyarat.

- 14.2 Majlis berhak menguji dan memeriksa contoh-contoh Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dihantar mengikut **Klausu 10.1** di atas dan juga Barang/Peralatan/Alat Ganti yang telah dihantarserah kepada Majlis selepas pesanan dibuat mengikut Perjanjian ini sekiranya Barang/Peralatan/Alat Ganti tersebut tidak menepati kualiti contoh atau spesifikasi contoh atau syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

15.0 SKOP PERKHIDMATAN / KERJA / PEMBEKALAN

- 15.1 Setiap Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan dan tugas yang dilaksanakan oleh Kontraktor hendaklah dibuat secara teratur dan sempurna berdasarkan arahan yang diberikan oleh Majlis serta memenuhi spesifikasi, kecekapan dan tempoh masa yang telah ditetapkan.
- 15.2 Majlis berhak memeriksa dan meneliti tahap pelaksanaan Perkhidmatan/ Kerja /Pembekalan tersebut oleh Kontraktor, pada bila-bila masa yang difikirkan wajar.
- 15.3 Sekiranya didapati bahawa Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut telah gagal dilaksanakan dengan sempurna, teratur dan memuaskan seperti yang diarahkan oleh Majlis dan kehendak yang telah ditetapkan, Majlis adalah sentiasa berhak mengarahkan dan meminta Kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembetulan/pembaikan yang setimpal dengannya pada kadar yang segera.
- 15.4 Sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan atau berlaku sebarang kelewatan, Majlis berhak untuk mengenakan denda atau tolakan sepertimana yang dirujuk dalam **Perkara 14 Jadual Pertama** Perjanjian ini (jika berkenaan) atau mengikut formula yang ditetapkan sebagai gantirugi akibat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tidak siap bagi setiap hari kelewatan daripada jumlah wang yang kena dibayar oleh Majlis kepada Kontraktor.
- 15.5 Kontraktor boleh mengemukakan permohonan lanjutan masa kepada Majlis dan Majlis boleh pada peringkat ini, sama ada menerima, enggan atau menolak permohonan lanjutan masa tersebut tanpa sebarang alasan dan sekiranya Majlis meluluskan permohonan lanjutan masa tersebut, gantirugi akibat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tidak siap menurut **Klausu 15.4** di atas boleh dikecualikan.

16.0 LAPORAN & JADUAL(JIKA BERKENAAN)

- 16.1 Kontraktor hendaklah sentiasa melaporkan diri dan aktiviti kerja kepada Pejabat Pegawai Penyelia Majlis bersabit secara khusus berkenaan kerja harian, lokasi dan jumlah yang terbabit dan jika perlu, menerima apa-apa arahan daripada pihak Majlis.
- 16.2 Kontraktor juga hendaklah menyediakan satu susunan jadual bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut selaras dengan Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Jadual Bertugas**") dan Jadual Bertugas tersebut hendaklah diserahkan kepada Pegawai Penyelia Majlis.

17.0 HAK MAJLIS APABILA BARANG/ PERALATAN/ ALAT GANTI ROSAK ATAU RENDAH KUALITINYA

- 17.1 Sekiranya Kontraktor membekalkan Barang/Peralatan/Alat Ganti yang tidak mengikut spesifikasi dalam **Lampiran B** Perjanjian ini atau rendah mutu dan kualitinya, Majlis berhak sama ada:
- a) Menolak Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dibekalkan dan menamatkan Perjanjian ini; atau
 - b) Menolak Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dibekalkan dan meminta Kontraktor mengganti Barang/Peralatan/Alat Ganti tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis. Sekiranya gantian Barang/Peralatan/Alat Ganti tersebut tidak dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan, maka Majlis boleh mendapatkan bekalan Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain dan sekiranya kos bagi memperolehi Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain melebihi harga dalam **Lampiran B** Perjanjian ini, Kontraktor hendaklah membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada Majlis.
- 17.2 Walau apapun **Klausula 17.1** di atas, sekiranya Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dibekalkan oleh Kontraktor kepada Majlis telah dipakai atau digunakan sebelumnya atau rosak atau rendah kualitinya dan Majlis atas sebab-sebab dalam keadaan-keadaan tertentu terpaksa menggunakan Barang/Peralatan/Alat Ganti tersebut, maka Majlis berhak menuntut gantirugi dan pampasan daripada Kontraktor.

18.0 KUALITI CONTOH/SPEKIFIKASI CONTOH

Bagi maksud **Klausula 12.0** dan **14.0** Perjanjian ini, perkataan-perkataan "kualiti contoh" atau "spesifikasi contoh" bermakna kualiti atau spesifikasi

Barang/ Peralatan/ Alat Ganti yang diserahkan oleh Kontraktor kepada Majlis semasa menyertai sebutharga/ tender bagi tujuan Perkhidmatan/Kerja/Pembekalan tersebut menurut Perjanjian ini.

19.0 HAK MAJLIS APABILA BARANG/ PERALATAN/ ALAT GANTI TERLEWAT DISERAHKAN

19.1 Sekiranya Kontraktor lewat menyerahkan Barang/ Peralatan/ Alat Ganti yang dipesan oleh Majlis mengikut masa yang ditentukan menurut **Klausu 4.0** Perjanjian ini, Majlis berhak sama ada ;

- (a) Menolak Barang/ Peralatan/ Alat Ganti tersebut dan menamatkan Perjanjian ini; atau
- (b) Membeli daripada punca-punca lain sebagai ganti kepada Barang/ Peralatan/ Alat Ganti yang dipesan dan membatalkan pesanan Barang/ Peralatan/ Alat Ganti tersebut dan sekiranya kos memperolehi Barang/ Peralatan/ Alat Ganti tersebut daripada punca-punca lain melebihi harga dalam Perjanjian ini, Kontraktor hendaklah membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada Majlis; atau
- (c) Menerima Barang/ Peralatan/ Alat Ganti tersebut dan mengenakan suatu denda terhadap Kontraktor sebagaimana dinyatakan dalam **Klausu 15.4** Perjanjian ini.

20.0 HAK MAJLIS MEMBELI DARI LAIN-LAIN PUNCA

Majlis berhak mendapatkan bekalan Barang/Peralatan/Alat Ganti yang dinyatakan dalam **Lampiran B** Perjanjian ini daripada punca-punca lain selain daripada Kontraktor bagi maksud percubaan atau keperluan yang tertentu.

21.0 PEMULANGAN

Pemulangan Barang/Peralatan/Alat Ganti oleh Majlis kepada Kontraktor mengikut **Klausu 19.0** Perjanjian ini hendaklah mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Majlis.

22.0 KOMUNIKASI

Kontraktor hendaklah menyediakan dan memaklumkan kepada Majlis satu saluran komunikasi dan nama kakitangan yang berkaitan yang boleh dihubungi dua puluh empat (24) jam oleh Majlis.

23.0 WAKIL KONTRAKTOR

- 23.1 Kontraktor hendaklah melantik seorang penyelia yang cekap dan efisien sebagai wakil Kontraktor untuk memastikan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dilaksanakan dengan lancar dan sempurna.
- 23.2 Penyelia yang dilantik hendaklah melaporkan kepada Majlis mengenai kerja atau tugas yang telah dilaksanakan berdasarkan pesanan/ arahan yang diberikan oleh Majlis.

24.0 KAWASAN PERKHIDMATAN/ KERJA/ PEMBEKALAN

- 24.1 Kawasan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut adalah sepertimana yang dirujuk dalam **Perkara 5 Jadual Pertama** Perjanjian ini dan juga sepertimana yang ditunjukkan, disemak dan diakui oleh Kontraktor dalam Borang/Dokumen Sebutharga/ Tender (selepas ini disebut "**Borang Sebutharga/ Tender tersebut**") yang telah diserahkan oleh Kontraktor kepada Majlis. Sesalinan pelan lokasi Kawasan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dilampirkan sebagai **Lampiran C** Perjanjian ini.
- 24.2 Kontraktor adalah dianggap sebelum menyerahkan Borang Sebutharga/ Tender tersebut dan sebelum memulakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut telah membuat pemeriksaan dan lawatan sendiri untuk memastikan kedudukan kawasan yang telah ditetapkan bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.
- 24.3 Kontraktor dianggap telah mengetahui kedudukan, butiran dan lokasi Kawasan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dan tidak boleh membangkitkan perkara berkenaan sebagai isu pada bila-bila masa dalam tempoh pelaksanaan Perjanjian ini.

25.0 HALANGAN & KEROSAKAN

- 25.1 Kontraktor dalam melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut, dalam setiap masa hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin mengatasi halangan atau kesusahan kepada orang perseorangan, pihak awam atau mana-mana pihak yang terjejas secara tidak langsung daripada Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang sedang dilaksanakan.
- 25.2 Kontraktor, pekerja, kakitangan, dan/atau agennya hendaklah bertanggung secara bersendirian terhadap apa-apa tuntutan, penalti, saman, kompaun, denda, gantirugi dan perintah berkaitan kerosakan harta awam atau harta persendirian akibat daripada Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang sedang dilaksanakan.

26.0 PEKERJA/ KAKITANGAN KONTRAKTOR

- 26.1 Jumlah pekerja/kakitangan yang digunakan sama ada lelaki ataupun wanita adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh Kontraktor dalam Borang Sebutharga/ Tender tersebut. Bagi maksud pelaksanaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dan sebagaimana Perjanjian ini, jumlah pekerja/kakitangan hendaklah bersesuaian dengan beban Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan dan juga untuk memastikan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut disediakan mengikut kehendak Majlis.
- 26.2 Sebarang pertambahan jumlah pekerja/kakitangan adalah di bawah tanggungan Kontraktor sendiri.
- 26.3 Pekerja/kakitangan Kontraktor diwajibkan memakai pakaian seragam, kemas dan tanda nama Kontraktor ketika berurusan di pejabat Majlis.
- 26.4 Pihak keselamatan Majlis berhak melarang pekerja/kakitangan Kontraktor memasuki atau menarik balik pas kebenaran atas sebab keselamatan, tindakan atau perlakuan salah yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di bangunan Majlis.

27.0 KESELAMATAN PEKERJA & KESIHATAN

- 27.1 Semasa melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut, Kontraktor hendaklah memastikan bahawa pekerja atau wakilnya mematuhi aspek keselamatan sebagaimana digariskan undang-undang:
- (a) berkaitan keselamatan dan kesihatan di Kawasan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut;
 - (b) berkaitan pengendalian peralatan, mesin, jentera, pengangkutan dan bahan yang digunapakai;
 - (c) berkaitan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan yang sesuai sebagaimana diperuntukkan;
 - (d) berkaitan penyelenggaraan kawasan tapak, laluan, halangan lalulintas dan langkah mengatasi risiko dan kemalangan; dan
 - (e) berkaitan kawasan dan pengekalan kawasan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang selamat, risiko terhadap kesihatan dan juga kemudahan berkaitan kebajikan untuk pekerja di Kawasan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.

28.0 MUTU PERKHIDMATAN/ KERJA/ PEMBEKALAN

Tanpa menjejaskan hak-hak Majlis yang lain seperti yang diperuntukkan di dalam Perjanjian ini, sekiranya Kontraktor gagal melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut sepertimana yang disyaratkan dalam Perjanjian ini atau Kontraktor gagal melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut secara teratur dan memuaskan menurut Skop Dan Spesifikasi yang telah ditetapkan, maka Majlis berhak untuk mengarahkan Kontraktor melakukan semula Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut tanpa sebarang bayaran tambahan atau memotong bayaran tuntutan atau tidak membuat apa-apa pembayaran kepada Kontraktor bagi tempoh tersebut terhadap Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang tidak sempurna, memuaskan atau gagal dilaksanakan.

29.0 PENYELIAAN PERKHIDMATAN/ KERJA/ PEMBEKALAN

- 29.1 Yang Dipertua Majlis (selepas ini disebut "YDP") boleh mewakili kepada Pegawai Penyelia untuk kuasa-kuasa menyelia dan memeriksa Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut supaya dilaksanakan dengan sempurna, termasuk memberi apa-apa arahan kepada Kontraktor jika diperlukan.
- 29.2 Walau apapun yang bertentangan yang terkandung di dalam Perjanjian ini, mana-mana Pegawai Majlis yang diarahkan oleh YDP mempunyai hak sepenuhnya dari semasa ke semasa untuk membuat apa-apa pemeriksaan dan mengeluarkan apa-apa arahan kepada Kontraktor mengenai Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut sekiranya dirasakan adalah perlu untuk berbuat demikian.
- 29.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Majlis senarai nama pekerja yang diambil oleh Kontraktor bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut termasuklah nombor telefon untuk dihubungi dan YDP adalah berhak untuk membantah pengambilan mana-mana calon pekerja yang pada pendapatnya adalah tidak sesuai bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.
- 29.4 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Majlis salinan laporan bergambar Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dan salinan "soft copy" sebelum, semasa dan selepas Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dilaksanakan kepada pihak Majlis mengikut format yang ditetapkan.

30.0 WAAD DAN AKUJANJI KONTRAKTOR

- 30.1 Kontraktor hendaklah melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut menurut jadual Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang dinyatakan dalam Perjanjian ini termasuk apa-apa arahan, perubahan, pindaan atau tambahan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang ditentukan oleh YDP dari semasa ke semasa.
- 30.2 Sebaik sahaja Perjanjian ini ditandatangani, Kontraktor hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh Majlis bagi melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut kepada Majlis untuk tujuan rekod dan beberapa pematuhan syarat seperti berikut:
- (a) Kontraktor hendaklah mematuhi undang-undang buruh khususnya Ordinan Kerja 1955, Ordinan Pampasan Pekerja 1952 mengenai perlindungan insurans, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan menyimpan daftar pekerja di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Pendaftaran Pekerja) 1960 dan lain-lain Akta, Ordinan, Enakmen atau peraturan berkenaan.
 - (b) Penggunaan khidmat pekerja-pekerja yang terdiri daripada warganegara asing oleh Kontraktor bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut hendaklah dengan persetujuan dan kebenaran Majlis.
 - (c) Sekiranya Kontraktor menggunakan khidmat pekerja-pekerja yang terdiri daripada warganegara asing, Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Majlis senarai nama pekerja yang diambil oleh Kontraktor bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut berserta dengan sesalinan pasport dan permit kerja.
 - (d) Bagi melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan di bawah Perjanjian ini, Kontraktor adalah pada bila-bila masa dilarang mengambil bekerja, mana-mana pekerja yang sedang berkhidmat dengan Majlis sama ada tetap, sementara, kontrak, sambilan atau komisen dalam apa jua kapasiti.
 - (e) Setiap pekerja Kontraktor hendaklah menggunakan pakaian seragam dan vest keselamatan yang sesuai dan dipersetujui oleh Majlis bagi menjaga imej Majlis.
 - (f) Kontraktor dan semua pekerja Kontraktor tidak boleh menggunakan logo Majlis sepanjang Tempoh Perjanjian ini

atau Tempoh Lanjutan Perjanjian (sekiranya dilanjutkan) tanpa kebenaran Majlis.

- 30.3 Walau apa pun yang terkandung dalam Perjanjian ini, adalah disahkan oleh pihak-pihak dalam Perjanjian ini bahawa:
- (a) Kesemua pekerja Kontraktor adalah bukan pekerja atau kakitangan Majlis dan Kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memenuhi segala syarat-syarat pengambilan pekerja yang diwajibkan oleh undang-undang yang terpakai termasuk membuat bayaran SOCSO, pampasan pekerja dan sebagainya.
 - (b) Apa-apa kecederaan yang dialami oleh mana-mana pekerja Kontraktor sewaktu melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor sepenuhnya dan bukan menjadi tanggungjawab Majlis.
- 30.4 Kontraktor akan menanggunggrugi sebarang tuntutan bagi kecederaan, kerugian orang awam, kerosakan dan apa-apa kos berbangkit, secara bersendirian dan sepenuhnya akibat daripada kecuaiannya Kontraktor, pekerja, kakitangan dan/atau agennya.
- 30.5 Kontraktor mempunyai kemampuan dan keupayaan dari segi kewangan, pengetahuan dan sumber manusia untuk melaksanakan Perjanjian ini.
- 30.6 Kontraktor tidaklah pada masa ini dan dalam Tempoh Perjanjian ini diisytiharkan bankrap atau sedang melalui prosiding kebangkrutan dan jika Kontraktor adalah satu syarikat, maka tidak ada perintah penggulungan atau dalam proses penggulungan.
- 30.7 Kontraktor berkemampuan dan berkebolehan dari segi undang-undang untuk melaksanakan Perjanjian ini dan Kontraktor tidak dalam siasatan mana-mana agensi atau badan siasatan atau suruhanjaya kerajaan yang boleh mengakibatkan ketidakupayaannya melaksanakan Perjanjian ini.
- 30.8 Kontraktor akan mengekalkan taraf, struktur organisasi dan/atau komposisi syarikat sepanjang Tempoh Perjanjian ini. Sebarang perubahan perlu dimaklumkan kepada Majlis terlebih dahulu dan satu notis hendaklah disampaikan kepada Majlis dalam tempoh yang ditetapkan dalam Perjanjian ini.
- 30.9 Kontraktor mengesahkan dan memperakui bahawa, Majlis telah memeterai Perjanjian ini dengan Kontraktor, dengan bergantung kepada representasi dan waranti yang dinyatakan di atas.
Salinan Profil Syarikat ATAU salinan diakui sah Borang D/E

berserta maklumat pemilik/ perniagaan seperti di **Lampiran D** Perjanjian ini.

31.0 WAAD DAN AKUJANJI MAJLIS

Majlis berwaad dan mengakujangi kepada Kontraktor bahawa –

31.1 Majlis akan membuat bayaran Harga Kontrak kepada Kontraktor sejajar dengan pelaksanaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut sebagaimana ditetapkan atau sebarang bayaran yang difikirkan munasabah menurut peruntukan yang berkaitan dalam Perjanjian ini.

31.2 Majlis akan membuat bayaran Harga Kontrak kepada Kontraktor mengikut tempoh, kaedah dan cara yang ditentukan dalam Perjanjian ini.

32.0 ADUAN

Atas aduan mana-mana pihak termasuk daripada YDP, Ahli Majlis dan/atau kakitangan Majlis, Majlis berhak mengarahkan kakitangannya menyasat aduan berkenaan dan jika Majlis berpuas hati kebenaran aduan yang dikemukakan, maka Majlis berhak melantik kontraktor bebas atas budibicaranya sendiri untuk menyempurnakan atau melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dan Majlis berhak membayar kontraktor bebas dengan menolak bayaran Harga Kontrak yang sepatutnya dibayar dan diterima oleh Kontraktor.

33.0 PEROLEHAN PERKHIDMATAN/ KERJA/ PEMBEKALAN DI LUAR PERJANJIAN

Dalam keadaan di mana Kontraktor telah gagal melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut menurut syarat-syarat Perjanjian ini, maka Majlis berhak mendapatkan atau melantik pihak-pihak lain untuk pelaksanaan semua atau sebahagian Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dan apa-apa kos lebihan yang terpaksa ditanggung oleh Majlis bagi tujuan tersebut hendaklah ditanggung oleh Kontraktor dan kos lebihan tersebut boleh ditolak dari apa-apa bayaran yang perlu dibayar kepada Kontraktor.

34.0 HAK MEMINDA SKOP PERKHIDMATAN/ KERJA/ PEMBEKALAN

Majlis berhak, di dalam tempoh berkuatkuasanya Perjanjian ini, mengkaji dan jika perlu dengan persetujuan Kontraktor, mengubah dari semasa ke semasa skop Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang terkandung di dalam Perjanjian ini dan Kontraktor hendaklah mematuhi skop kerja atau skop Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang telah diubah itu.

35.0 GANTIRUGI

Kontraktor hendaklah menggantirugikan Majlis daripada dan terhadap segala tuntutan belanja, tanggungan, kerugian atau kos, perbicaraan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas Majlis sebagai akibat langsung atau tidak langsung dari pelanggaran mana-mana syarat Perjanjian ini oleh Kontraktor, dengan syarat pelanggaran tersebut adalah disebabkan oleh tindakan atau peninggalan secara sengaja atau cuai oleh Kontraktor, para pekerjanya atau sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihaknya atau disebabkan oleh keadaan-keadaan yang berada di dalam kawalan Kontraktor.

36.0 REPRESENTASI DAN WARANTI

Kontraktor dengan ini mengakujaji bahawa segala keterangan yang dikemukakan oleh Kontraktor seperti berikut adalah benar:

- 36.1 Kontraktor adalah sebuah syarikat yang sah ditubuhkan di Malaysia dan dengan itu mempunyai segala kuasa dan layak untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dan telah menyempurnakan segala kehendak undang-undang untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut;
- 36.2 Segala tindakan yang perlu dan wajar telah diambil oleh Kontraktor untuk melayakkannya menandatangani Perjanjian ini;
- 36.3 Tidak ada tindakan undang-undang atau apa-apa prosiding telah diambil atau sedang dijalankan di Mahkamah atau badan lain terhadap Kontraktor, pekongsi, pemilik, pengarah atau pemegang sahamnya yang boleh menggugat atau memberi kesan kepada keadaan dan perniagaan Kontraktor;
- 36.4 Segala kebenaran, sijil, lesen, pendaftaran dan lain-lain hal yang berkaitan dengan perniagaan Kontraktor telah diperolehi dan disempurnakan dengan sewajarnya dan tidak ada apa-apa keadaan atau syarat-syarat yang boleh menyebabkan kebenaran, sijil, pendaftaran atau lesen Kontraktor ditarik balik;
- 36.5 Segala butiran atau keterangan termasuk keadaan kewangan Kontraktor yang telah dikemukakan kepada Majlis bagi maksud Perjanjian ini adalah benar; dan
- 36.6 Bahawasanya representasi dan waranti yang telah diberikan di atas akan terus berkuatkuasa dalam tempoh berkuatkuasanya Perjanjian ini dan juga Tempoh Tanggungan Kecacatan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.

37.0 SUB-KONTRAK DAN SERAHHAK KEPADA PIHAK KETIGA

- 37.1 Kontraktor adalah tidak dibenarkan menyerahkan atau memindahkan faedah atau obligasi serta memberi milik Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut atau mana-mana bahagiannya kepada mana-mana pihak lain atau mengupah mana-mana pihak lain untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis.
- 37.2 Kontraktor adalah tidak dibenarkan untuk memajak atau membuat atau memberi sub-kontrak terhadap mana-mana kewajipannya di bawah Perjanjian ini kepada mana-mana pihak tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis.

38.0 FORCE MAJEURE

- 38.1 Majlis dan Kontraktor adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang tindakan, ketinggalan atau kegagalan melaksanakan mana-mana obligasi di bawah Perjanjian ini sekiranya tindakan, peninggalan atau kegagalan tersebut berpunca dari rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan, pandemik, epidemik, wabak penyakit tempatan, darurat kesihatan awam, kuarantin atau bencana-bencana alam yang berada di luar kawalan mana-mana pihak.
- 38.2 Di mana Kontraktor tidak dapat meneruskan atau melaksanakan obligasinya di bawah mana-mana peruntukan Perjanjian ini disebabkan alasan-alasan seperti dinyatakan di **Klausu 38.1** di atas, maka Kontraktor hendaklah memberitahu Majlis secara bertulis dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh bermulanya insiden tersebut, sekiranya Kontraktor memerlukan suatu lanjutan masa atau perubahan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dipertimbangkan oleh Majlis. Majlis boleh, setelah berpuashati dengan hasil penyiasatannya sendiri mengenai punca sebenarnya kejadian tersebut melanjutkan tempoh atau perubahan kepada Perjanjian ini dengan sewajarnya.
- 38.3 Sungguhpun lanjutan masa dibenarkan, Kontraktor hendaklah sentiasa berusaha mengelakkan serta mengatasi apa-apa kelewatan yang boleh menjejaskan pelaksanaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut di bawah Perjanjian ini.
- 38.4 Kegagalan Kontraktor mengemukakan notis bertulis sepertimana yang ditetapkan di **Klausu 38.2** di atas dalam tempoh masa yang ditetapkan akan menafikan haknya terhadap lanjutan masa atau perubahan di bawah Klausu ini.

39.0 NOTIS KEGAGALAN

- 39.1 Sekiranya Kontraktor gagal untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut, Majlis boleh mengeluarkan notis iaitu "**Notis Kegagalan**" secara bertulis kepada Kontraktor menyatakan kegagalan atau ketidaksempurnaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dilaksanakan dan tempat berlakunya kegagalan tersebut berlaku termasuk aduan awam dan menghendaki Kontraktor untuk membetulkan kegagalan tersebut dalam tempoh **dua puluh empat (24) jam** dari tarikh penerimaan Notis Kegagalan atau tempoh yang munasabah yang akan ditentukan oleh Majlis serta YDP boleh atas budibicara membuat sebarang pemotongan bayaran Harga Kontrak mengikut jumlah nilai Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut pada peringkat ini.
- 39.2 Sekiranya Kontraktor gagal mengambil tindakan sewajarnya seperti yang termaktub di dalam Notis Kegagalan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, Majlis berhak untuk melantik mana-mana orang atau syarikat lain yang bersesuaian bagi melaksanakan arahan-arahan seperti yang dinyatakan di dalam Notis Kegagalan tersebut tanpa sebarang notis kepada Kontraktor. Apa-apa kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis bagi melantik orang tersebut hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.
- 39.3 Walau apapun peruntukan **Klausula 39.2** di atas, sekiranya Kontraktor gagal untuk mematuhi atau melaksanakan dengan sempurna Notis Kegagalan yang dikemukakan, Majlis berhak untuk menamatkan Perjanjian ini menurut **Klausula 40.0** Perjanjian ini.

40.0 PENAMATAN

- 40.1 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak melalui pemberian kepada pihak yang satu lagi, **TIGA PULUH (30) HARI** notis bertulis tentang hasratnya untuk menamatkan Perjanjian ini.
- 40.2 Walau apapun peruntukan **Klausula 40.1** di atas, Majlis boleh menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta, dengan memberi notis bertulis dalam masa yang munasabah kepada Kontraktor sekiranya, didapati:
- 40.2.1 Kontraktor telah melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat Perjanjian ini; atau

40.2.2 Kontraktor telah gagal, engkar dan enggan melaksanakan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Majlis dari semasa ke semasa dalam tempoh masa ditetapkan; atau

40.2.3 Majlis mendapati bahawa representasi dan waranti yang diberikan oleh Kontraktor di dalam Perjanjian ini adalah tidak benar.

40.3 Hak-hak dalam **Klausu 39.3, Klausu 40.1** dan/atau **Klausu 40.2** Perjanjian ini, sekiranya diambil, tidak akan menjejaskan apa-apa hak serta remedi lain yang dimiliki oleh Majlis, di mana yang berkaitan, yang wujud di bawah Perjanjian ini.

40.4 Penamatan di bawah **Klausu 39.3, Klausu 40.1, Klausu 40.2, Klausu 41.1, Klausu 42.1** dan **Klausu 43.1** Perjanjian ini, sekiranya diambil membolehkan Majlis melantik mana-mana pihak lain untuk menyambung atau mengambilalih Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dengan serta-merta dan pembayaran kepada pihak yang dilantik akan dibuat daripada bayaran Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut yang sepatutnya diterima oleh Kontraktor atau bayaran mengikut syarat-syarat dan remedi yang terkandung dalam Perjanjian ini.

41.0 PENAMATAN PERJANJIAN ATAS KEPENTINGAN NASIONAL

41.1 Tertakluk kepada mana-mana klausa dalam Perjanjian ini, Majlis boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis tidak kurang daripada **TIGA PULUH (30) HARI** kepada Kontraktor tanpa kewajipan untuk memberikan sebab-sebab penamatan dan sekiranya penamatan tersebut adalah demi kepentingan nasional, di atas keperluan keselamatan nasional atau tujuan polisi kerajaan atau polisi awam.

41.2 Bagi tujuan klausa ini, apa yang merangkumi “kepentingan nasional”, “keperluan keselamatan nasional”, “polisi kerajaan” dan “polisi awam” akan hanya dibuat dan ditentukan oleh Majlis dan penentuan tersebut untuk apa-apa niat dan tujuan adalah muktamad dan mutlak serta tidak boleh dicabar dalam apa-apa jua keadaan.

42.0 PENAMATAN ATAS RASUAH, AKTIVITI HARAM ATAU TIDAK SAH

42.1 Tanpa prasangka kepada hak-hak lain, sekiranya Majlis berpuashati bahawa Kontraktor, kakitangannya, ejennya atau pekerja-pekerjanya telah atau terlibat dalam rasuah atau aktiviti haram atau tidak sah berkaitan Perjanjian ini atau mana-mana Perjanjian lain, Majlis boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-

bila masa dengan memberikan notis bertulis serta-merta untuk kesan tersebut kepada Kontraktor.

- 42.2 Setelah penamatan tersebut, Majlis hendaklah berhak ke atas semua kerugian, kos, kerosakan dan segala perbelanjaan termasuk apa-apa jua kos dan perbelanjaan berkaitan yang dialami oleh Majlis akibat daripada penamatan tersebut.

43.0 LIKUIDASI

- 43.1 Di mana Kontraktor telah meluluskan suatu resolusi pembubaran, melainkan bagi tujuan penyatuan atau pembentukan semula, atau jika mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak membuat suatu perintah pembubaran, atau jika seorang penerima atau pengurus bagi pihak sipiutang telah dilantik, atau jika keadaan-keadaan telah timbul yang membolehkan suatu mahkamah membuat suatu perintah pembubaran, Majlis adalah berhak menamatkan dengan serta-merta Perjanjian ini dan sejajar dengan itu mendapatkan apa-apa gantirugi atau kos yang mungkin ditanggung oleh Majlis akibat dari keadaan-keadaan di atas.
- 43.2 Sekiranya keadaan-keadaan dalam **Klausu 43.1** di atas berlaku, Kontraktor hendaklah memberitahu Majlis secara bertulis menyatakan status, cadangan atau kaedah lain bagi meneruskan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut di bawah Perjanjian ini seberapa segera. Dalam keadaan ini Majlis berhak sepenuhnya untuk melaksanakan tindakan yang perlu di bawah Perjanjian ini.
- 43.3 Kegagalan mematuhi syarat dalam **Klausu 43.2** di atas, akan menyebabkan Kontraktor dipertanggungjawabkan menggantirugikan Majlis bagi apa-apa kos atau kerugian yang mungkin ditanggung oleh Majlis akibat kegagalan pelaksanaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.

44.0 KESAN PENAMATAN

- 44.1 Segala kuasa dan hak yang diberikan kepada kedua-dua pihak menurut peruntukan Perjanjian ini dan semua obligasi yang ditetapkan di dalam Perjanjian ini hendaklah terhenti berkuatkuasa pada tarikh penamatan yang dimaksudkan.
- 44.2 Kontraktor hendaklah dengan serta-merta, pada tarikh berkuatkuasanya penamatan Perjanjian ini menghentikan pelaksanaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.
- 44.3 (a) Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Majlis laporan/butir-butir lengkap mengenai tuntutan bayaran bagi

Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut yang telah dilaksanakan setakat tarikh penamatan tersebut serta apa-apa bayaran lain, jika ada, yang telah terakru oleh Majlis tetapi belum dijelaskan kepada Kontraktor setakat tarikh penamatan Perjanjian ini;

- (b) Majlis hendaklah setelah menyemak dan mengesahkan laporan/butir-butir tuntutan yang dikemukakan oleh Kontraktor menurut peruntukan **Klausula 44.3(a)** di atas, membayar kepada Kontraktor apa-apa jumlah wang yang perlu kepada Kontraktor, tertakluk kepada apa-apa pemotongan yang berhak dibuat oleh Majlis menurut peruntukan Perjanjian ini.

45.0 PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Sekiranya timbul apa-apa pertikaian di antara kedua-dua pihak mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa Perjanjian ini atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya:

- 45.1 Kedua-dua pihak bersetuju untuk membincangkan pertikaian tersebut terlebih dahulu bagi maksud menyelesaikannya secara baik;
- 45.2 Dalam keadaan di mana kedua-dua pihak tidak mencapai sebarang persetujuan untuk menyelesaikan pertikaian yang timbul, mana-mana pihak boleh mengambil tindakan untuk merujuk pertikaian tersebut kepada mahkamah yang berkenaan.

46.0 PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan kedua-dua pihak adalah tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.

47.0 NOTIS

- 47.1 Apa-apa notis, permintaan, permohonan kelulusan, kebenaran, persetujuan atau apa-apa surat-menyurat yang diperlukan, dibenarkan, diluluskan atau dikehendaki diberi di bawah Perjanjian ini oleh Majlis atau Kontraktor, mana yang berkenaan, kepada pihak yang satu lagi hendaklah diserahkan, jika disampaikan dengan tangan, atau dihantar melalui pos secara berdaftar, atau dikirim melalui teleks/faks, atau e-mel, hendaklah dialamatkan seperti terkandung dalam **Perkara 2 Jadual Pertama** Perjanjian ini bagi pihak Majlis dan **Perkara 3 Jadual Pertama** Perjanjian ini bagi pihak Kontraktor atau mana-mana alamat yang dimaklumkan secara bertulis dari semasa ke semasa

oleh Majlis atau Kontraktor, menurut mana yang berkenaan, kepada pihak yang satu lagi.

47.2 Penyampaian notis dianggap sempurna kepada pihak satu lagi, jika disampaikan:

(a) melalui Pos Berdaftar, **tiga (3) hari** bekerja daripada tarikh pengeposan; atau

(b) penyampaian kediri, pada hari dihantar bersama cop atas pendua notis sebagai pengesahan; atau

(c) melalui teleks/ faks, pada saat laporan penghantaran diterima oleh penghantar yang bertujuan untuk mengesahkan bahawa penerima telah menerima teleks/ faks tersebut; atau

(d) melalui e-mel, setelah menerima pengakuan penerimaan untuk notis yang dihantar.

47.3 Sekiranya terdapat apa-apa pertukaran alamat atau entiti Kontraktor, Kontraktor adalah diwajibkan memaklumkan Majlis mengenainya secara bertulis pada kadar yang segera, tidak lewat dari satu (1) bulan dari tarikh pertukaran alamat atau entiti tersebut.

48.0 PELUPUTAN HAK

Kegagalan pihak Majlis atau Kontraktor, mana yang berkenaan, menguatkuasakan, menjalankan atau menuntut apa-apa peruntukan, hak atau remedi di bawah Perjanjian ini tidak akan terjumlah kepada suatu peluputan hak terhadap Perjanjian ini keseluruhannya atau mana-mana bahagian daripadanya.

49.0 MASA MERUPAKAN INTIPATI KONTRAK

Masa hendaklah menjadi intipati kontrak berhubung dengan segala peruntukan dalam Perjanjian ini.

50.0 PINDAAN DAN TAMBAHAN

Sebarang pindaan dan tambahan kepada mana-mana syarat atau terma Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak di dalam Perjanjian ini. Pindaan dan tambahan yang dibuat hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

51.0 DUTI SETEM/KOS

Duti, caj, levi, cukai setem dan apa-apa kos lain jika ada, yang berhubung dengan penyediaan dan penguatkuasaan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

52.0 PERUBAHAN KADAR DUTI DAN CUKAI

52.1 Majlis tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada apa yang dijanjikan di antara pihak-pihak dalam Perjanjian ini sekiranya terdapat sebarang perubahan harga kesan daripada kenaikan apa-apa kadar tarif duti atau cukai yang dikenakan oleh Kerajaan.

52.2 Walau apapun peruntukan **Klausu 52.1** di atas, pihak-pihak kepada Perjanjian ini bersetuju bahawa apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan dalam Perjanjian ini adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

53.0 JADUAL/ LAMPIRAN

Jadual dan/ atau Lampiran yang disebut dan/atau dilampirkan bersama Perjanjian ini jika ada, hendaklah dibaca secara menyeluruh dan bersama dengan Perjanjian dan hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini selagi tidak bertentangan.

[Bahagian ini sengaja dikosongkan]

DENGAN DISAKSIKAN DI BAWAH INI, PIHAK-PIHAK DI SINI TELAH MENURUNKAN TANDATANGAN MEREKA, MELALUI WAKIL MASING-MASING, PADA HARI DAN TARIKH SEPERTI YANG MULA-MULA DINYATAKAN DI ATAS.

Cop Mohor)

MAJLIS)

Dimeterai dengan sempurna)

Dengan disaksikan oleh)

.....
Yang Dipertua

.....
Setiausaha

.....
Ahli Majlis

Penyempurnaan Perjanjian ini oleh)

KONTRAKTOR)

Dengan disaksikan oleh)

.....
Nama :
No. K/P :
Jawatan :

*

.....
Nama :
No. K/P :
Jawatan :

(* Potong jika tidak berkenaan)

[Bahagian ini sengaja dikosongkan]

JADUAL PERTAMA		
<i>(Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)</i>		
PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 4	Butir-Butir Perkhidmatan/Kerja/ Pembekalan	<p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p>
Perkara 5	Kawasan Perkhidmatan/Kerja/ Pembekalan	<p>.....</p> <p>.....</p> <p>Pelan Lokasi dilampirkan sebagai Lampiran C(jika berkenaan).</p>
Perkara 6	Tempoh Perjanjian	<p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>Bermula :.....</p> <p>Tamat :.....</p> <p>*atau sehingga tuntutan bayaran mencapai Harga Kontrak, mana-mana yang terdahulu.</p> <p>Tempoh Lanjutan : (jika berkenaan)</p> <p>*Potong yang tidak berkenaan</p>

JADUAL PERTAMA (Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)		
PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 7	Tarikh Surat	Surat Setuju : Terima Surat Akuan : Penerimaan
Perkara 8	Harga Kontrak	Ringgit Malaysia (RM) Sahaja.
Perkara 9	Tempoh Serah Peralatan/ Ganti Hantar Barang/ Alat
Perkara 10	Bon Pelaksanaan (Jika Berkenaan)	Ringgit Malaysia (RM) Sahaja. bersamaan *2.5% / 5% daripada Harga Kontrak. *Potong yang tidak berkenaan.

JADUAL PERTAMA		
<i>(Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)</i>		
PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 11	Tempoh Tanggungan Kecacatan (Jika Berkenaan)	<p>..... daripada tarikh tamat Perjanjian ini atau tarikh Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan siap (mana-mana yang berkenaan).</p>
Perkara 12	Tempoh Memperbaiki Kecacatan (Jika Berkenaan)	<p>..... daripada tarikh tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.</p>
Perkara 13	Tempat Serah Peralatan/ Ganti Hantar Barang/ Alat	<p>..... </p>
Perkara 14	Gantirugi Akibat Perkhidmatan/Kerja/ Pembekalan Tidak Siap	<p>..... </p>

LAMPIRAN A

(Fasal E)

(Lampiran ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

**-SURAT SETUJU TERIMA DAN SURAT
AKUAN PENERIMAAN-**

LAMPIRAN B
(Klausa 1.0, 2.0, 4.0, 5.0, 12.0 dan 17.0)

(Lampiran ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

**- SKOP DAN SPESIFIKASI
PERKHIDMATAN/ KERJA /
PEMBEKALAN -**

LAMPIRAN C
(Perkara 5 Jadual Pertama)

(Lampiran ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

-PELAN LOKASI-
(jika berkenaan)

LAMPIRAN D **(Klausa 30.9)**

(Lampiran ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

**-SALINAN PROFIL SYARIKAT ATAU
SALINAN DIAKUI SAH BORANG D/E
BERSERTA MAKLUMAT PEMILIK
PERNIAGAAN -**

